

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 JULAI 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	42 produk inovasi dipaten	Utusan Malaysia Online
2	Jerebu dijangka berterusan hingga Khamis	Berita Harian
3	Unhealthy haze, public urged to stay indoors	The Malay Mail
4	Dry and hazy Hari Raya ahead	The Star
5	Ketampakan kurang jelas di selat Melaka utara ekoran jerebu sehingga khamis	Bernamea.com
6	Gempa bumi kuat di kepulauan Fiji	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA ONLINE
TARIKH : 22 JULAI 2014 (SELASA)**

42 produk inovasi dipaten

Politeknik Malaysia telah membuktikan kejayaannya melahirkan penyelidik kalangan tenaga pengajar dan pelajar dalam mencari penemuan terbaru.

Politeknik Malaysia antara institusi yang berjaya memfailkan paten 42 daripada 124 produk inovasinya yang dihasilkan sepanjang 2007 hingga tahun ini dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Kejayaan ini membuktikan kesungguhan institusi ini menghormati dan melindungi hak harta intelek kerana ia merupakan satu bentuk kekayaan baharu dalam menjana ekonomi serta menyediakan peluang yang lebih luas ke arah menjana pendapatan rakyat.

Politeknik Malaysia agresif dalam menghasilkan produk inovasi yang berkualiti supaya dapat dipasarkan secara komersial sehingga ke peringkat antarabangsa dan bukan terhenti setakat tahap penyelidikan sahaja.

Kejayaan memfailkan harta intelek ini membuktikan komitmen Politeknik Malaysia antara institusi penyumbang kepada penciptaan produk inovasi negara.

Usaha itu terbukti apabila tiga daripada 42 produk inovasi yang berjaya itu berada di tahap pra pengkomersialan industri negara iaitu "Wiring Fault Tester" hasil ciptaan dari Politeknik Melaka (PMK), "Solar Grass Cutter" dari Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Polimas) dan "Basic Electric Student Training Kit" dari Politeknik Seberang Perai (PSP).

Di PMK, Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan diberi tanggungjawab untuk pelaksanaan penciptaan, inovasi serta kreativiti penghasilan produk.

Pengarahnya, Rashidah Mustapa berkata, ke arah mencapai sebuah negara pendidikan tinggi, Politeknik Malaysia telah membuktikan kejayaannya melahirkan penyelidik kalangan tenaga pengajar dan pelajar dalam mencari penemuan terbaru produk teknologi dan inovasi di negara ini, namun usaha di peringkat paten dan komersial perlu dipertingkatkan.

"Usaha ini menjadi fokus utama Politeknik Melaka memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara industri yang memerlukan lebih banyak produk inovasi di hasilkan menjelang 2020," katanya.

Rashidah berkata, keupayaan itu terbukti apabila baru-baru ini produk inovasi dari PMK berjaya memenangi tiga daripada tujuh kategori dalam Pertandingan Rekabentuk Multimedia Interaktif, Pengajaran & Pembelajaran Peringkat Zon Selatan.

"Kita berusaha membantu penyelidik menghasilkan idea-idea kreatif dan inovasi baharu dalam membangunkan reka cipta inovasi masing-masing. Sebagai contoh apabila Projek

Penggulung Hos Bermotor ciptaan pensyarah dan pelajar PMK berjaya mengharumkan nama politeknik apabila menjadi Juara Pertandingan Inovasi Bomba Peringkat Negeri Melaka dan Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Sektor Awam Peringkat Negeri Melaka," katanya

Menurut Rashidah lagi, budaya Inovasi dan penyelidikan itu berjaya dihasilkan apabila mendapat sokongan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** yang juga ahli jawatankuasa Penasihat Politeknik Melaka.

Bertitik tolak daripada sokongan ini, PMK mula meningkatkan strategi mematenkan produk inovasi sehingga berjaya dikomersialkan.

Hasilnya sejumlah lapan produk didaftarkan di bawah kategori Utility Innovation, dua produk dikategori Reka Bentuk Perindustrian, tiga produk di bawah hak cipta dan dua produk lagi di bawah kategori Cap Dagangan.

Keunikan Produk Inovasi hasil ciptaan PMK adalah penggunaan cap dagangannya iaitu CPMK yang membawa maksud Creative PMK.

Setakat ini, PMK berjaya mempunyai cap dagangan atau jenama tersendiri bagi setiap produk inovasi yang dicipta.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Kampus/20140721/ka_01/42-produk-inovasi-dipaten#ixzz389nxPlpL

Jerebu dijangka berterusan hingga Khamis

Kuala Lumpur: Ketampakan rendah kurang dari lima kilometer di sekitar perairan Selat Melaka utara kerana jerebu dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi** keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran.

Taufan Matmo

Selain itu, angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Matmo yang dikesan kira-kira 1,472 kilometer ke timur laut Sandakan, Sabah, turut dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Taufan Matmo dikesan pada Latitud 15.2 U dan Longitud 127.6 T dan bergerak ke arah utara dengan kelajuan 15 kilometer sejam.

Angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 sehingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter turut dikesan di kawasan perairan Palawan, Reef North, Condore dan Layang-layang selain perairan Perlis, Kedah, Phuket dan Kudat, Sabah yang dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 22 JULAI 2014 (SELASA)



The middle span of the Penang Bridge can barely be seen as the state recorded unhealthy levels of air pollution yesterday.

Unhealthy haze, public urged to stay indoors

PETALING JAYA — The public has been urged to stay indoors and avoid outdoor activities because of the unhealthy haze conditions in areas across the country.

Meteorological Department deputy director-general Alui Bahari said those living in areas with high air pollutant index (API) readings should not expose themselves to the poor air quality.

"Those with respiratory issues are requested to seek medical advice immediately," he said.

Alui, who heads the department's weather and climate operations, said satellite imagery showed smoke from forest fires in Sumatra spreading to Malaysia through strong south-westerly winds.

"Besides the large number of hotspots in

Sumatra, there is also a typhoon developing over east Malaysia that is contributing to the dry weather conditions," he said.

Based on the data, Alui said the department forecast dry weather until tomorrow.

As of Sunday, imagery from the Asean Specialised Meteorological Centre showed 225 hotspots spread out across the Riau province in Sumatra, while 20 hotspots were detected throughout peninsular Malaysia.

The highest API reading yesterday morning was Port Klang (139), Kuala Selangor (127), Taiping (129), and Seri Manjung (113).

By Alexander Winifred
alexander@mmail.com.my

By 5pm, the readings had worsened to 152 in Port Klang, Kuala Selangor (142) and Taiping (138).

Two new areas also posted unhealthy levels of pollution — Shah Alam (105) and Seberang Perai (110).

API levels of above 100 to 200 are unhealthy, while 201 to 300 are very unhealthy. Readings above 301 are hazardous.

Many areas recorded poor visibility yesterday, especially in Petaling Jaya and Subang Jaya where visibility dropped to just 2.5km and 3km at 1pm respectively before recovering to 5km and 6km respectively at 5pm.

Other areas that recorded low visibility readings at 5pm were Alor Star at 4km and Ipoh at 6km.

Dry and hazy Hari Raya ahead



SHARP
“Haze Outside... Safe Inside!”
AIR PURIFIER
LOVE. LIFE
Plasmacluster

Blurry skies:
A thick cloud of haze blanketing Kuala Lumpur.

Dept: Less rain expected due to typhoons

By **YUEN MEIKENG**
meikeng@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians may have to brace for a dry and hazy Hari Raya as less rain is expected in the coming days.

Malaysian Meteorological Department (MMD) spokesman Dr Hisham Mohd Anip said this was due to the emergence of three continuous typhoons in the region - Neoguri, Rammasun and the current Typhoon Matmo.

“The typhoons drag moisture from the air in the surrounding areas, leading to the dry spell,” he said yesterday.

Typhoon Matmo is reportedly on course to strike Taiwan just after Typhoon Rammasun hit China and the Philippines, leaving over 112 people dead.

Dr Hisham said the typhoon was not a threat to Malaysia but it may cause high waves over the sea.

“The current hot weather is also compounded by the haze from Sumatra in Indonesia,” he said.

A check on the Meteorological Service Singapore website revealed that the number of hotspots in Sumatra had increased steadily since July 16.

As of yesterday, over 200 hotspots were found on the island.

The number of hotspots detected via images by the National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) -18 satellite rose to 50 yesterday from 40 on Saturday.

Dr Hisham said there was also a chance of another typhoon in the region and if it formed, Malaysia might have to expect an even longer period of dry weather.

The typhoons drag moisture from the air in the surrounding areas, leading to the dry spell.

— DR HISHAM MOHD ANIP

“The period could stretch on for another two weeks,” he said.

The air quality around the nation also took a dip as five areas recorded unhealthy readings as of 11am yesterday.

The areas - Port Klang, Kuala Selangor, Seberang Jaya 2 in Perai, Seri Manjung in Perak and Kg Air Putih in Taiping - all recorded unhealthy levels of between 100 and 200.

Of the five areas, Port Klang had the highest air pollutant index of 139 at 9am, based on readings on the Department of Environment’s website.

Thirteen out of 52 areas recorded good air quality, while the remainder recorded moderate levels.

The readings in several areas veered close to the borderline of the unhealthy level, including Petaling Jaya (89), Shah Alam (98), Bakar Arang in Sungai Petani (91) and Tanjung Malim (90).

On horizontal visibility, the MMD said some cities and towns still had visibility of over 10km.

However, some areas encountered hazy skies like Butterworth (3km), Petaling Jaya (2.5km), Subang (3.5km) and Bayan Lepas (4km).



Ketampakan Kurang Jelas Di Selat Melaka Utara Ekoran Jerebu Sehingga Khamis

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer di sekitar perairan Selat Melaka utara kerana jerebu dijangka berterusan sehingga Khamis.

Menurut [Jabatan Meteorologi](#) keadaan ini berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran.

Selain itu angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Matmo yang dikesan kira-kira 1,472 kilometer ke timur laut Sandakan, Sabah turut dijangka berterusan sehingga Khamis.

Taufan Matmo dikesan pada Latitud 15.2 U dan Longitud 127.6 T dan bergerak ke arah utara dengan kelajuan 15 kilometer sejam.

Angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 sehingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter turut dikesan di kawasan perairan Palawan, Reef North, Condore dan Layang-layang selain perairan Perlis, Kedah, Phuket dan Kudat, Sabah yang dijangka berterusan sehingga Khamis.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 22 JULAI 2014 (SELASA)



Gempa Bumi Kuat Di Kepulauan Fiji

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 6.6 pada skala Richter melanda Kepulauan Fiji pada 10.54 malam ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat di 19.7 darjah Selatan dan 178.7 darjah Barat, 344 km tenggara dari Laucala, Fiji dan 7,363 km tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa berkenaan tidak mendatangkan sebarang ancaman tsunami.

-- BERNAMA